

# Pak Lah ingatkan ahli Umno usah sombong

KUALALUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pemimpin serta ahli Umno supaya tidak sombong, lupa daratan dan berbalah sesama sendiri sehingga melemahkan parti.

Pemangku Presiden Umno berkata, setiap pemimpin dan ahli Umno wajar mengambil pengajaran dan iktibar daripada sejarah silam Islam serta kerajaan kesultanan Melayu yang sering bersengketa sehingga pihak lain mengambil kesempatan menjajah mereka.

Beliau berkata, jika ahli Umno angkuh serta sering bersengketa semua nikmat kejayaan, kekuatan dan kemegahan yang dikecapi akan hilang begitu saja seperti tamadun agung lalu.

"Kejayaan yang kita nikmati serta kecapi ketika ini sebenarnya satu cabaran serta ujian kepada kita, sama seperti kemiskinan dan kesengsaraan yang kita lalui juga satu ujian.

"Oleh itu yang penting bagi kita adalah untuk bijak menguruskannya, supaya menjadikan kita sebagai satu bangsa yang kuat dan bermaruah," katanya berucap sempena sambutan ulang tahun ke-58 penubuhan Umno, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam tadi.

Terdahulu Perdana Menteri turut mengimamkan sembahyang Maghrib, diikuti tahlil dan bacaan surah Yassin diketuai bekas Imam Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail.

Lebih 500 pemimpin serta ahli dari veteran Umno menghadiri majlis tahlil berkenaan termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno dari Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Besar dan Ketua Menteri selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing,

Majlis sambutan kali ini diadakan secara sederhana, walaupun Umno sebagai tonggak parti Barisan Nasional (BN) menang besar pada Pilihan Raya Umum Ke-11, pada 21 Mac lalu.

Pada peringkat "negeri pula, Badan Perhubungan Umno Negeri akan mengadakan sambutan mengikut program masing-masing.

Umno diasaskan Datuk Onh Jaafar dan ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 bagi membantah penubuhan Malayan Union oleh British, sekembalinya ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Umno kini mempunyai 2.81 juta ahli, 191 bahagian dan 19,000 cawangan.